

Season Three: The Land

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p>EPISOD 38</p> <p>BANGSA ARAB YANG ASAL (PROTO ARAB)</p> <p>SUARA:</p> <p>SESUDAH BERLAKU PENGHIJRAHAN ANAK CUCU NABI NUH A.S. YAFIT, SAM DAN HAM DI LEMBAH MESOPOTAMIA, MAKA BUMI PALESTIN ANTARA WILAYAH TERAWAL YANG DIDUDUKI OLEH MANUSIA. BANGSA KANAAN MERUPAKAN PENDUDUK TERAWAL DI BUMI PALESTIN. MEREKA INILAH BANGSA ARAB YANG MENCIPTA HURUF <i>AL-HIJAIYYAH AL-</i> <i>ALIBAIYYAH</i>. KAEDAH TULISAN INI TELAH DITIRU OLEH ORANG- ORANG PHIOENIQ (YANG JUGA MERUPAKAN SAUDARA BANGSA KANAAN) YANG</p>	

KEMUDIAN TULISANINI DITIRU
OLEH BANGSA GREEK DAN
LATIN. PROSES EVOLUSI
PENULISANINI BERTERUSAN
SEHINGGALAH KE KURUN KE
TUJUH SELEPAS MASEHI. HASIL
DARI TULISAN HURUF *AL-*
*HIJAIYYAH AL-ALIBAIYYAH*INI
MAKA BERMULALAH PROSES
EVOLUSI PENULISAN TERHADAP
BERBAGAI PENULISAN DI
DUNIA.

BAGAIMANA MUNCULNYA
BANGSA PHIOENIQ DAN SIAPA
MEREKAINI?

BANGSA PHIOENIQINI BERASAL
DARI BANGSA KANAAN YANG
TERBAHAGI KEPADA DUA
GOLONGAN: GOLONGAN YANG
MENETAP DI PALESTIN DAN
MENGEKALKAN IDENTITI
MEREKA, MANAKALA
GOLONGAN YANG KEDUA PULA
ADALAH ORANG-ORANG
KANAAN YANG MENETAP DI
SYRIA YANG DIKENALI
SEBAGAI ORANG-ORANG

PHIOENIQ . PERKATAAN ` PHIOENIQ`INI BERASAL DARI PERKATAAN YUNANI `PHIOENIQU` YANG BERMAKNA `UNGU`INI KERANA MEREKA TELAH MENCINTA DYE PEWARNA DAN MENYEBARNYA WARNA-WARNAINI KE SELURUH ALAM PADA KETIKA ITU. ORANG-ORANG PHIOENIQ MERUPAKAN GOLONGAN YANG TIDAK GEMAR KEPADA PEPERANGAN. MEREKA TELAH MEMBAHAGI-BAHAGIKAN KAWASAN-KAWASAN KEPADA TIMUR DAN BARAT TANPA PEPERANGAN. BANGSA PHIOENIQ TELAH MENINGGALKAN KESAN TAMADDUN YANG CUKUP HEBAT KEPADA NEGARA-NEGARA EROPAH DAN SEKITAR MEDITERANEAN SEPERTI UTARA AFRIKA, SEPANYOL, PERANCIS, DENMARK DAN FINLAND.INI BERMAKNA KESAN TAMADDUN ARAB TELAH MEWARNAI TAMADUN EROPAH DAN SEKITARNYA.

DARI GOLONGAN KANAAN DAN PHIOENIQ INILAH TERHASILNYA KABILAH-KABILAH AL-AMALIQAH, AL-ADUMIYAH, AL-MOABIYAH, AL-AMONIYAH, AL-AMURIYAH, AL-HAWARIYAH, AL-JARJASYIAH DAN AL-YABUSIYAH KEBANYAKKAN DARI MEREKAINI TELAH BERPERANG DENGAN BANGSA IBRANI SEKITAR 3000 B.C.

DARI SUDUT BAHASA PULA, BAHASA KANAAN DAN BAHASA PHIOENIQ MENYERUPAI BAHASA AKKADI BABYLON TETAPI DARI SUDUT PEMIKIRAN BERBEZA SAMA SEKALI. SEBAGAI CONTOH PEMIKIRAN GOLONGAN AKKADI BABYLON LEBIH KEPADA KEROHANIAN DAN PERCAYA KEPADA TUHAN YANG SATU SEPERTI TUHAN YANG MENGUASAI LANGIT DAN BUMI. MANAKALA KANAAN DAN PHIOENIQ PULA LEBIH FOKUS KEPADA KEBENDAAN SEPERTI KEPERYAAN MENYEMBAH BANYAK TUHAN . KAUM KANAANINI MENETAP DI

BUMI PALESTININI DENGAN
AMAN SEHINGGALAH
KEDATANGAN BANGSA IBRANI
YANG MENGAMBIL SEGALA-
GALANYA DARI MEREKA.
KEADAANINI MENYEBABKAN
KAUM KANAANINI MENDAPAT
PERTOLONGANDARI SAUDARA
MEREKAIAITU KAUM PHIOENIQ
DAN ARAM TAMBAHAN PULA
NEGARA ARAM PADA KETIKA
ITU ADALAH DAMSYIK YANG
JUGA DIKENALI SEBAGAI KOTA
ARAM. SEHINGGALAH MUNCUL
BANDAR `UGARIT` YANG
TERLETAK DIPERSISIRAN
PANTAI UTARA LATAKIA YANG
BERHAMPIRAN DENGAN
GUNUNG SAFUN DISYRIA.
BANDARINI TELAH
MENGAMBIL ALIH PERANAN
BANDAR ARAM ATAUPUN
DAMSYIK TERUTAMANYA DARI
SUDUT KEILMUAN. BANYAK
BATU-BATU BERSURAT DAN
PENINGGALAN SEJARAH YANG
MENJADI KEBANGGAAN
BANGSA UGARIT ANTARANYA
PENULISAN ABJAD DALAM
TULISAN PAKU YANG DIJUMPAI

SEKITAR TEMPAT-TEMPAT IBADAH. ABJAD-ABJADINI MEMPUNYAI 22 HURUF DAN BAHASANYA ADALAH DIALEK/LAHJAH BAHASA KANAAN ASLI, KEBANYAKKAN BATU BERSURAT YANG DIJUMPAI MENCERITAKANN TENTANG UNSUR-UNSUR KEPERCAYAAN YANG DIANUTI OLEH TEMPAT-TEMPAT IBADAH. BEGITU JUGA TELAH DITEMUI SEJUMLAH BESAR TULISAN-TULISAN SYAIR DAN KISAH-KISAH EPIK YANG TELAH MENGGUNAKAN ABJAD-ABJAD PHIOENIQ YANG DITULIS DENGAN MENGGUNAKAN BENTUK-BENTUK PAKU. PENINGGALAN SEJARAHINI MEMBUKTIKAN BAHAWA KESUSASTERAAN BANGSA KANAAN DAN PHIOENIQINI MEMANG HEBAT. SEBAAI CONTOH PERKATAAN ﴿إِلٰهٰ﴾ HAKIKATNYA BERASAL DARI NAMA TUHAN BANGSA UGARIT, YANG BERMAKSUD ﴿إِلٰهٰ﴾, TERDAPAT NAMA-NAMA YANG DIAKHIRI DENGAN ﴿إِلٰهٰ﴾INI SEPERTI ISRAFIL, JIBRAIL,

HABIL, QABIL, ISMAIL, SAMUEL DAN SEPERTINYA BERTUJUAN UNTUK MENDAPAT KEBERKATAN DARI TUHAN SEPERTI MENAMBAH SIFAT-SIFAT TUHAN KE DALAM NAMA-NAMA TERSEBUT SEPERTI ABDULLAH, ABDUL KHALIQ, ABDUL RAHMAN DAN SEBAGAINYA.

KEHEBATAN ILMU PENGETAHUAN BANGSA KANAAN DAN PHIOENIQINI MAJU SEHINGGALAH KEDATANGAN BANGSA IBRANI YANG MENGAMBIL HAK-HAK MEREKA SEHINGGA NAMA-NAMA TUHAN PUN DIRAMPAS DARI MEREKA. SEBAGAIMANA DISEBUT OLEH BROKELMANN ‘*BAHAWASANYA BANI ISRAEL ADALAH GOLONGAN YANG MENGHILANGKAN NASAB BANGSA KANAAN DARI KETURUNAN SAM ANAK NUH A.S.INI KERANA DISEBABKAN POLITIK, EKONOMI DAN AGAMA WALAUPUN MEREKA MEMPUNYAI HUBUNGAN YANG KUAT DARI SUDUT BAHASA*

*NAMUN SIKAP PERKAUMAN
BANGSA BANI ISRAEL TELAH
MEROSAKKAN HUBUNGAN
MEREKA` BEGITU JUGA
KENYATAANINI
DIPERKUATKAN LAGI OLEH
MUHAMMAD AMIN DAN ZAKI
NAJIB DI DALAM BUKU* قصة الأدب في العالم *BAHAWA TELAH DATANG
BANGSA IBRANI MELALUI
PADANG PASIR JORDAN DAN
MENETAP DI PALESTIN , MEREKA
INI PADA ASANYA BERCAKAP
DIALEK BAHASA ARAMAIK YANG
HAMPIR DENGAN LARAS DAN
SEBUTAN BAHASA ARAB, TETAPI
APABILA MEREKA MENETAP DI
PALESTIN , MEREKA BERTUTUR
DALAM BAHASA PENDUDUK ASLI
PALESTIN IAITU BAHASA ARAB
KANAAN DALAM PERBUALAN
HARIAN DAN PENULISAN RASMI
YANG MANA DISELITKAN SERBA
SEDIKIT BAHASA DIALEK ASAL
MAREKA IAITU ARAMIAH, ITULAH
SEBAB MENGAPA TERDAPAT
PERBEZAAN BAHASA DAN DIELEK
MEREKA DENGAN BAHASA ASAL
PENDUDUK PALESTIN IAITU
KANAAN, OLEH ITU BAHASA YANG*

*TELAH DICAMPUR ADUKKANINI
DIKENALI SEBAGAI ‘BAHASA
IBRANI’. JIKA BEGINI
KEADAANNYA BAHASA IBRANI
INI ADALAH HASIL
PERCAMPURAN DIANTARA
BAHASA ARAMIYAH DAN
BAHASA ARAN KANAAN DAN
BUKANLAH BAHASA ASAL
YANG TERHASIL DARI
KEKUATAN BANGSA DAN
BAHASA ITU SENDIRI, SELAIN
ITU APABILA MEREKA
BERHIJRAH KE MESIR BAHASA
IBRANIINI DIGABUNGKAN
DENGAN BAHASA MESIR IAITU
BAHASA HELIGRAFIAH. KENAPA
TERDAPAT PENGHIJRAHAN
BANI ISRAEL KE BUMI MESIR
SEWAKTU ZAMAN NABI
YAAKUB A.S DAN ANAKNYA
YUSUF A.S.?INI KERANA TELAH
BERLAKU KEBULURAN YANG
TERUK DI PALESTIN, ADAPUN
BANGSA KANAAN TIDAK
MELAKUKAN PENGHIJRAHAN
TERSEBUT KERANA PALESTIN
ADALAH NEGARA MEREKA
YANG ASAL, ADAPUN BANI
ISRAEL BERPINDAH KE MESIR*

KERANA MEREKA TIDAK
MERASAI PALESTIN ITU
NEGARA MEREKA YANG SEJATI
KERANA KETURUNAN ASAL
MEREKA TIDAK BERASAL DARI
BUMI PALESTIN, JADI UNSUR
KECINTAAN KEPADA TANAH
AIR ITU KURANG.